

NAMA : _____

KELAS : _____

Berdasarkan novel 'Sejambak Bakti', lengkapkan sinopsis di bawah.

tersengih	kursus	sebatan	Wang kertas	kaunseling	
mengadili	wayang	pembelajaran	pencerobohan	menghalau	penolong
cemburu	dirotan	dilantik	kandung	siasatan	

Harun, Swee Lan dan saridevi bertugas di koperasi sekolah sebelum loceng untuk sesi _____ berbunyi. Semasa sibuk melayan pelanggan, seorang daripada murid yang berasak-asak di situ cuba mengambil sebatang pen tanpa membayar harganya. Harun menegur murid itu. Murid itu _____ lalu membayar harga pen tersebut. Cikgu Zulkifli datang membawa surat jemputan Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama pada tahun itu.

Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah kali pertama pada petang itu, sebelas orang murid dan empat orang guru telah _____ sebagai pengerusinya. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi. Razali telah terpilih sebagai _____ setiausaha.

Munir berasa _____ atas pelantikan Razali sebagai penolong setiausaha koperasi sekolah. Mulai saat itu, Munir, Leong dan Silvam sering tidak hadir bertugas. Munir juga cuba untuk rapat dengan Ramlah. Namun begitu, cubaan Munir memberikan surat dan mengajak Ramlah menonton _____ telah gagal. Hal ini dikatakan demikian kerana Ramlah sangat rapat dengan Razali.

Sikap Munir yang sering mengganggu murid-murid lain semasa di dalam kelas, mengganggu murid-murid perempuan dan tidak hadir bertugas telah dirujuk kepada guru _____ dan kerjaya, Cikgu Muniam. Munir, Leong dan Silvam telah menyerang dan memukul Razali. Perbuatan tersebut menyebabkan Munir _____ oleh pengetua. Razali terpilih untuk menghadiri _____ koperasi Bersama dengan wakil-wakil koperasi sekolah di seluruh Malaysia. Hal ini menambahkan lagi rasa cemburu Munir kepada Razali.

Dua minggu sebelum hakim pertandingan koperasi terbaik sekolah-sekolah datang _____ pertandingan tersebut, seluruh warga Sekolah Menengan Teknik Pertanian Seri Kayangan dikejutkan dengan berita koperasi sekolah mereka telah diceroboh. Barang-barang di dalam koperasi telah dipungkah. Wang koperasi sebanyak RM200 hilang. Pihak polis telah dipanggil untuk melakukan _____. Razali telah dibawa ke balai polis untuk membantu siasatan. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada sebarang tanda-tanda bilik tersebut dipecahkan dan Razali seorang sahaja yang memiliki kunci tersebut, manakala kunci di bilik pengetua tidak terusik. Kejadian tersebut menyebabkan ayah tiri Razali berasa malu. Beliau memarahi Razali dan _____nya keluar dari rumah.

Penceroboh kedai koperasi Berjaya dikesan setelah _____ dilakukan buat kali yang kedua. Munir terperangkap kerana memiliki _____ RM10.00 yang bertanda "K". dia dihukum tiga kali _____ di hadapan tapak perhimpunan dan digantung persekolahan selama seminggu. Munir meminta maaf kepada Razali. Mereka berpelukan sambil menagis. Razali dan Munir akhirnya menjadi sahabat baik. Koperasi sekolah turut diumumkan sebagai johan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak ANGKASA. Persoalan tentang ayah Razali yang sebenar turut terungkai semasa majlis penerimaan piala kemenangan tersebut. Pak Ramli yang merupakan ayah Ramlah rupa-rupanya ayah _____ Razali.